



SIARAN MEDIA

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR BATU ARANG 2030

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor menyempurnakan Majlis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Kawasan Khas Bandar (RKK) Batu Arang 2030 pada 21 Oktober 2022 (Jumaat) bertempat di Galeri Batu Arang.

Draf RKK disediakan bagi mencapai beberapa objektif yang khusus seperti penyediaan dokumen perancangan yang komprehensif, penentuan sempadan kawasan kajian RKK, penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP), kawalan pembangunan serta penyediaan garis panduan pengurusan.

Lima (5) hasil utama Draf RKK adalah seperti berikut:

1. RKK digunakan dan menjadi rujukan utama oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak yang berkepentingan dan semua agensi yang berkaitan dalam merancang pembangunan dalam kawalan perancangan dan pembangunan dalam sempadan yang ditetapkan.
2. Mengenalpasti projek berimpak tinggi dan utama bagi tujuan pemuliharaan dan perancangan yang komprehensif di masa akan datang.
3. Pematuhan terhadap syarat-syarat pembangunan yang perlu dipatuhi sepenuhnya berdasarkan Akta 172, Akta 645, Enakmen Perbadanan Adat Warisan Selangor 2009 (Enakmen No 4/2009), Akta Ahli Geologi 2008, Akta Penyiasatan Kaji Bumi 1974, Perintah-perintah Korekan 2013 dan yang berkaitan termasuklah aspek keselamatan geologi bawah tanah.
4. Menonjolkan imej Bandar Batu Arang sebagai Bandar Warisan dengan peningkatan jumlah daftar bangunan warisan kebangsaan dan pengiktirafan sebagai taman tema geologi pada masa hadapan.
5. Menjadikan Bandar Batu Arang sebagai kawasan tarikan pelancongan utama dari segi warisan perlombongan arang batu dan meningkatkan peluang ekonomi masyarakat setempat.



Penglibatan pelbagai pihak termasuk orang awam dan pihak-pihak berkepentingan diperlukan bagi menjayakan Draf RKK Bandar Batu Arang 2030. Cadangan, maklum balas mahupun bantahan boleh dikemukakan bagi tempoh selama 1 bulan iaitu pada 21 Oktober 2022 hingga 21 November 2022, pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang di tiga buah lokasi:

- 📍 Balai MPKK, Bandar Batu Arang
- 📍 Tingkat 16, Pejabat PlanMalaysia@Selangor
- 📍 Lobi Menara MPS

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Perancang Bandar MPS di talian 03-6126 5873 atau layari www.mps.gov.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
21 Oktober 2022